# SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 3 NEGERI SARAWAK

## SEKTOR MAKANAN

Kemaskini pada 30.09.2021

### Merangkumi

Restoran, Kedai Makan, Gerai Makan, Kenderaan Bersaji (Food Truck), Penjaja Tepi Jalan, Penjaja Beredar , Medan Selera , Pusat Penjaja , Gerai Makan Tepi Jalan atau Kiosk dan Bistro

### Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM.

### Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan 16 P.U.(A) 293/2021
- Akta 342
- PPHO 1999
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021.
- SOP Pelan Pemulihan Negara: Fasa 3 Negeri Sarawak yang dikeluarkan MKN
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| WAKTU OPERASI | 5.00 pagi – 12.00 tengah malam | KAPASITI PEKERJA | 80% | KAPASITI PELANGGAN | 50% |
|---|---|---|---|---|---|

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|
| **PROTOKOL KESIHATAN (OPERATOR PREMIS)** | **Operator premis adalah WAJIB memastikan perkara-perkara seperti berikut dilaksana:**<br>i. Melantik seorang petugas atau pekerja untuk memastikan SOP ini sentiasa dipatuhi<br>ii. Buku Daftar Kehadiran operator, pekerja atau petugas hendaklah diasingkan dari buku daftar pelanggan,<br>iii. Operator, pekerja atau petugas **WAJIB** mendaftar kehadiran dengan mengimbas MySejahtera atau merekodkan secara manual menggunakan Buku Rekod Daftar atau kaedah lain untuk menunjukkan rekod kehadiran harian apabila diperlukan oleh pihak penguatkuasa, merangkumi maklumat seperti **nama, no.telefon, tarikh dan masa**,<br>iv. Mengimbas suhu badan. Pekerja dengan suhu badan melebihi 37.5 darjah Celsius dan bergejala **TIDAK DIBENARKAN** untuk bekerja dan dikehendaki untuk menjalani ujian saringan Covid-19 di Klinik Kesihatan yang berdekatan<br>v. Hanya Pekerja yang telah menerima dos vaksin lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja<br>vi. Pekerja yang dikenalpasti sebagai *Person Under Surveillance* (PUI) adalah TIDAK DIBENARKAN bekerja sehingga mereka telah tamat tempoh kuarantin serta diberikan *Release Order* (RO) oleh Pihak Kesihatan<br>vii. Pekerja **TIDAK DIBENARKAN** untuk makan secara berkumpulan sehingga menyukarkan penjarakan fizikal semasa rehat kecuali di tempat yang telah ditetapkan dalam premis dengan pematuhan jarak fizikal<br>viii. Operator premis, pekerja dan pembekal **DIWAJIBKAN** memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan Kementerian Kesihatan Malaysia ( KKM) ketika berada di premis<br>ix. Pemilik atau operator premis DIWAJIBKAN untuk memastikan ventilasi dan pengudaraan di dalam premis adalah mengikut standard *SOP on Ventilation Improvement at Non - Residential Building or Space 2021* yang telah ditetapkan oleh SDMC<br>x. Majikan/Operator adalah digalakkan melakukan saringan berkala secara rawak menggunakan kit RTK saringan kendiri yang telah diluluskan oleh KKM bagi memastikan pekerja bebas dari jangkitan Covid 19. |
| **PROTOKOL KESIHATAN (PELANGGAN)** | i. Operator premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan menghadkan bilangan yang dibenarkan memasuki premis untuk menjamin penjarakan fizikal 1 meter<br>ii. Operator premis hendaklah menyediakan *hand sanitizers* atau tempat mencuci tangan berserta sabun atau pencuci tangan<br>iii. Pelanggan **WAJIB** mendaftar masuk premis dengan mengimbas MySejahtera atau menulis secara **manual nama, no. telefon, tarikh dan masa** ketika memasuki premis<br>iv. Pelanggan WAJIB mengimbas suhu badan. Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celsius dan individu yang mempunyai gejala seperti batuk, demam dan selsema adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki premis<br>v. Pemilik, Operator dan Pekerja premis **DIWAJIBKAN** untuk memastikan hanya **pelanggan dengan status *"Low Risk"*** termasuk ***"Casual Contact Low Risk"*** dalam MySejahtera dan telah mendapatkan **2 Dos vaksinasi lengkap Covid 19 DIBENARKAN** masuk<br>vi. Bagi mereka yang berstatus "Kontak Rapat", *Person Under Surveillance* ***(PUS)*** dan *Patient Under Investigation* ***(PUI)* adalah TIDAK DIBENARKAN** memasuki premis dan perlu dilapor kepada Pejabat Kesihatan terdekat.<br>vii. Pelanggan **DIWAJIBKAN MEMAKAI PELITUP MUKA DENGAN BETUL** mengikut saranan KKM ketika berada di premis |

# SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 3 NEGERI SARAWAK

## SEKTOR MAKANAN

Kemaskini pada 30.09.2021

### Merangkumi

Restoran, Kedai Makan, Gerai Makan, Kenderaan Bersaji (Food Truck), Penjaja Tepi Jalan, Penjaja Beredar , Medan Selera , Pusat Penjaja , Gerai Makan Tepi Jalan atau Kiosk dan Bistro

### Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM.

### Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan 16 P.U.(A) 293/2021
- Akta 342
- PPHO 1999
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021.
- SOP Pelan Pemulihan Negara: Fasa 3 Negeri Sarawak yang dikeluarkan MKN
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| WAKTU OPERASI | 5.00 pagi – 12.00 tengah malam | KAPASITI PEKERJA | 80% | KAPASITI PELANGGAN | 50% |
|---|---|---|---|---|---|

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|
| **KAWALAN PELANGGAN, SUSUN ATUR DAN PENJARAKAN (SOSIAL) FIZIKAL** | i. Operator premis **WAJIB MEMAPARKAN JUMLAH MAKSIMUM PELANGGAN** yang dibenarkan memasuki permis atau berada di dalam premis pada satu-satu masa<br>ii. Susun atur dan jarak antara meja adalah 2 meter dan kedudukan antara pelanggan perlu penjarakan fizikal 1 meter.<br>iii. Kapasiti pelanggan dihadkan kepada 50% keluasan lantai dan tidak melebihi 100 orang pada satu-satu masa.<br>**iv. Maksimum kapasiti pelanggan dibenarkan *dine-in* bagi meja berdiameter 1 meter adalah 2 orang**<br>**v. Maksimum kapasiti pelanggan dibenarkan *dine-in* bagi meja berdiameter 1.2 – 1.4 meter adalah 3 orang**<br>**vi. Maksimum kapasiti pelanggan dibenarkan *dine-in* bagi meja berdiameter 1.5 – 1.7 meter ke atas adalah 4 orang**<br>**vii. Maksimum kapasiti pelanggan dibenarkan *dine-in* bagi meja berdiameter >1.8 meter ke atas maksimum 6 orang**<br>viii. Susun atur meja dan kerusi tidak boleh **DIUBAHSUAI** sehingga boleh menyebabkan kesesakan dan kesukaran mengawal penjarakan fizikal.<br>ix. Operator atau pemilik premis hendaklah menyediakan pramusaji bagi hidangan secara buffet |
| **PEMBERSIHAN DAN NYAHKUMAN** | i. Menggalakkan penggunaan peralatan makan biodegradable atau pakai buang.<br>ii. Disinfeksi menggunakan cecair atau larutan dengan kandungan sodium hypochlorite atau apa-apa larutan yang boleh membasmi virus sehingga 99.9% mengikut garis panduan KKM terutamanya tempat yang kerap disentuh<br>iii. Disinfeksi bangunan hendaklah dilakukan setiap hari selepas operasi<br>iv. Sekiranya premis dikunjungi oleh pesakit COVID 19, operator premis hendaklah memastikan premis didisinfeksi. Operator dan pekerja yang terdedah hendaklah untuk menjalani ujian RTK Swab atau rT-PCR test<br>v. Sekiranya operator atau pekerja didapati positif COVID 19, premis hendaklah ditutup sehingga dibasmi kuman dengan sempurna sebelum boleh dibuka semula (Seksyen 18 (1)(d) di bawah Akta 342) |
| **TAKLIMAT KESELAMATAN & PEMATUHAN SOP** | i. Setiap Pemilik, Operator, Pegurus dan kakitangan hendaklah diberi peringatan tentang apa itu penyakit COVID-19, pematuhan SOP dan langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang perlu dilakukan<br>ii. Sentiasa memakai pelitup muka ketika berada dipremis, kecuali semasa makan dan minum |
| **PANDUAN & PENANDAAN** | Penggunaan poster peringatan mengenai protokol am kesihatan dan keselamatan serta penggunaan tanda penjarakan fizikal hendaklah dipaparkan di premis atau di atas meja. |
| **TAMBAHAN UNTUK BISTRO** | i. Hanya Bistro yang **BERLESEN DENGAN PBT** sahaja dibenarkan beroperasi<br>ii. Mempunyai **DAPUR (*KITCHEN*)** bagi penyediaan makanan dan minuman<br>iii. Dibenarkan memainkan muzik lembut *(Soft music)* tanpa sebarang nyanyian dan tarian sepanjang masa operasi. |

# PANDUAN BILANGAN PELANGGAN

Round table




Square Table




| DIAMETER MEJA | BILANGAN PELANGGAN |
|---|---|
| 1m | 2 orang |
| 1.2m – 1.4m | 3 orang |
| 1.5m – 1.7m | 4 orang |
| > 1.8m | 6 orang |